



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
MERANGKAP PENGERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH  
YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

**MAJLIS PERASMIAN  
BETTER BRIGHTER ANJUNG KASIH YKN – TNB  
HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II**

**19 FEBRUARI 2024**

**10.00AM – 1.00PM**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrah Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya dapat kita berkumpul bagi menjayakan **Majlis Perasmian Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan** pada pagi yang sungguh bermakna dan bersejarah ini.
  
2. Saya amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berbahagia Dato' Abdul Razak, Penggerusi Tenaga Nasional Berhad dan

Yang Berbahagia Dato' Doktor Zaini Hussin, Pengarah Kesihatan Negeri Kelantan yang turut sama merealisasikan kerjasama ini bagi menubuhkan Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB di sini.

## **(B) PENGENALAN YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA**

Puan-puan dan Tuan-tuan,

3. Yayasan Kebajikan Negara (YKN) merupakan sebuah Badan Pemegang Amanah yang ditubuhkan bagi membantu meningkatkan taraf hidup rakyat khususnya

melibatkan keluarga dan kanak-kanak. Bagi mencapai matlamat tersebut YKN telah menjalankan aktiviti dan program yang meliputi bidang-bidang kebajikan, kesihatan dan pendidikan sebagaimana yang dikehendaki oleh Surat Ikatan Amanah.

## **ANJUNG KASIH YKN**

4. Dalam usaha mempelbagaikan perkhidmatan kebajikan dan kesihatan, YKN telah mengambil pendekatan proaktif dalam bidang *medico sosio* melalui penubuhan Anjung

Kasih YKN bagi menyediakan kemudahan penginapan kepada waris pesakit yang mengiringi pesakit atau menemani pesakit di hospital kerajaan.

Puan-puan dan tuan-tuan,

5. Pada masa kini terdapat 18 buah Anjung Kasih yang telah beroperasi sepenuhnya dan Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II adalah yang ke – 19 penubuhannya di seluruh negara. Perkhidmatan

Anjung Kasih YKN telah memberi manfaat kepada **96,338** orang penghuni sejak ia ditubuhkan pada tahun 2006.

6. Objektif penubuhan Anjung Kasih ini adalah menyediakan penginapan mesra insan bagi pesakit atau waris pesakit ketika menerima rawatan di hospital Kerajaan. Pesakit yang sedang menerima rawatan memerlukan bantuan menguruskan pesakit serta sokongan emosi daripada ahli keluarga atau waris. Dengan kewujudan Anjung Kasih dapat meringankan bebanan perbelanjaan serta masa

untuk berulang alik dari rumah ke hospital di samping mengeratkan lagi ikatan kasih sayang antara ahli keluarga.

## **SUMBANGAN RAKAN STRATEGIK YKN**

7. Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan merupakan sebuah projek yang mendapat tajaan sepenuhnya daripada syarikat korporat Tenaga Nasional Berhad dan Anjung Kasih yang pertama di negeri Kelantan. Saya berbesar hati apabila **pihak TNB sudi menyalurkan sejumlah**

**RM1.5 juta** bagi penubuhan Anjung Kasih ini. Setinggi penghargaan dan terima kasih tidak terhingga saya ucapkan kepada TNB dan tidak lupa juga kepada Kementerian Kesihatan khususnya pihak Hospital Raja Perempuan Zainab II yang telah bersama-sama dalam proses penubuhan Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB ini.

8. Sesungguhnya usaha murni tanggungjawab sosial korporat yang dipamerkan oleh pihak TNB amat membanggakan dan dapat menjadi contoh kepada syarikat korporat yang lain untuk sama-sama membantu mereka yang memerlukan. TNB telah menyumbang dan berkolaborasi

bersama Yayasan Kebajikan Negara dalam pelbagai program dan aktiviti serta penubuhan tiga (3) buah Better Brighter Anjung Kasih YKN iaitu di Hospital Serdang, Hospital Melaka serta terbaru Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu Kelantan.

9. Selain penajaan penubuhan Anjung Kasih YKN, TNB juga turut bersama menyumbang dan menyokong program penjanaan dana, penyediaan bantuan bakul makanan serta **sumbangan mesin dialisis kepada pusat rawatan YKN Dialisis berjumlah RM6.5 juta**. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan. Saya juga amat

mengalu-alukan dan menyeru agar lebih banyak lagi sumbangan daripada pihak korporat, NGO atau orang perseorangan dalam usaha YKN menyantuni golongan sasar di bawahnya.

10. Kerajaan sentiasa prihatin dan mengambil berat terhadap kebijakan serta keperluan setiap golongan masyarakat di negara ini. Antara perkara yang diberi penekanan ialah membantu golongan yang memerlukan atau golongan yang susah agar dapat turut serta menjalani kehidupan yang selesa seperti yang lain dalam memastikan hasrat murni kerajaan dapat direalisasikan dengan jayanya.

11. Dengan penubuhan Anjung Kasih, pesakit atau waris pesakit mampu menjimatkan kos perbelanjaan mereka yang dianggarkan secara purata RM100 – RM150 sehari jika menginap di bilik sewa hotel. Ia juga memudahkan waris pesakit tidak perlu berulang alik dari kediaman untuk datang ke hospital tambahan mereka yang mendapatkan khidmat Anjung Kasih ini adalah mereka yang datang dari luar daerah hospital untuk mendapatkan rawatan.
  
12. Anjung Kasih secara tidak langsung dapat membantu pihak hospital mengatasi masalah kepadatan pesakit di

wad dan mengurangkan risiko waris pesakit dari terdedah kepada risiko jangkitan penyakit.

13. Saya menyeru kepada masyarakat yang berpeluang menggunakan kemudahan yang disediakan untuk dimanfaatkan sepenuhnya dengan baik. Usaha YKN membantu golongan yang kurang bernasib baik dan memerlukan hanya akan berjaya dengan memberi pulangan sosial serta ekonomi apabila disokong oleh semua pihak.

14. Sekali lagi saya mengambil kesempatan ini merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Tenaga Nasional Berhad sebagai penaja utama, pihak Kementerian Kesihatan, Hospital Raja Perempuan Zainab II serta mereka yang terlibat secara lansung atau tidak lansung dalam penubuhan Better Brighter Anjung Kasih YKN-TNB Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan ini. Tahniah dan syabas kepada semua.

*Lelah berjalan di tengah pekan  
Singgah sebentar di Pantai Nami  
Terima kasih kami ucapkan*

*Atas segala sumbangan yang diberi*

Akhir kata, **dengan lafaz Bismillahirahmanirahim, saya merasmikan Better Brighter Anjung Kasih YKN – TNB hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu Kelantan.**

Sekian, Wabillahitaufik Wal Hidayah, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**19 FEBRUARI 2024**